

MEMAHAMI PERANAN-PERANAN PENTING USAHAWAN KEPADA MASYARAKAT

Menawarkan dan mempelbagaikan pilihan produk dan perkhidmatan

- Usahawan sentiasa berusaha menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan dari semasa ke semada untuk memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat.
- Usahawan juga banyak menghasilkan teknologi baharu yang dapat digunakan oleh masyarakat dengan lebih mudah dan pantas.
- Penghasilan produk, perkhidmatan dan teknologi baharu yang kreatif dan inovatif secara tidak langsung akan mampu menjadikan kehidupan masyarakat yang lebih selesa dan mudah.

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA
& DR SALMAH TOPIMIN,
PENYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my



Usahawan sentiasa bersedia menghasilkan dan menambahbaik produk, perkhidmatan dan teknologi secara lebih kreatif dan inovatif untuk kegunaan masyarakat.

MEMAHAMI PERANAN-PERANAN PENTING USAHAWAN KEPADA MASYARAKAT

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA
& DR SALMAH TOPIMIN,
PENSYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my

+ Mewujudkan peluang pekerjaan

- Usahawan boleh membantu menawarkan pelbagai jenis pekerjaan kepada pelbagai lapisan masyarakat dari semasa ke semasa.
- Aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh usahawan mampu menyediakan banyak peluang pekerjaan yang baharu kepada masyarakat sama ada melalui pembentukan sesebuah usaha niaga baharu ataupun mengembangkan perniagaan mereka dengan cara mengrekrut mereka sebagai pekerja tetap atau pekerja kontrak.

Pelbagai peluang pekerjaan yang bersesuaian boleh ditawarkan oleh usahawan kepada pelbagai golongan masyarakat mengikut jenis kemahiran dan pengetahuan mereka.

Meningkatkan taraf hidup masyarakat

- Aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan oleh usahawan seperti menghasilkan peluang pekerjaan dan mengrekrut pekerja akan mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan memberikan upah atau gaji yang bersesuaian dengan jawatan kerja yang ditawarkan tersebut.
- Peningkatan taraf hidup masyarakat dapat dilihat melalui peningkatan pendapatan per kapita.
- Dengan adanya kemajuan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh usahawan, masyarakat dapat menikmati pelbagai pilihan produk, perkhidmatan, teknologi yang inovatif dan kemudahan yang moden bagi menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat.

Secara kesimpulannya, usahawan berperanan penting kepada masyarakat dalam bidang keusahawanan. Aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan oleh usahawan sememangnya banyak membawa kemajuan dalam kegiatan ekonomi. Oleh yang demikian, usahawan diharap terus mampu berusaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan, pelbagai produk dan perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui peningkatan pendapatan dan kualiti kehidupan masyarakat yang lebih selesa.